

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- a) sehingga hari ini berapa jumlah Orang Asli yang telah mendapat suntikan vaksin untuk menghindarkan jangkitan berjangkit;
- b) usaha JAKOA untuk meningkatkan tahap kesihatan serta pemakanan yang mempunyai nutrisi yang baik untuk Orang Asli

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kerjasama bersama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) bersama dengan pihak Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa berusaha komited ke arah kesejahteraan hidup dan kesihatan masyarakat Orang Asli berpandukan kepada Pelan Strategik JAKOA Tahun 2016-2020. Di antara tindakan yang telah dilakukan :

- a) rekod suntikan vaksin untuk menghindari jangkitan berjangkit ada direkodkan secara authoriti rasmi oleh pihak KKM melalui Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA). Pihak JAKOA hanya terlibat bagi membawa Orang Asli yang membuat permohonan temujanji melalui

pihak KKIA KKM apabila Orang Asli berkenaan akan menerima suntikan tersebut sekiranya tidak mempunyai kenderaan atau mengalami kesulitan untuk hadir ke KKIA KKM. Begitu juga dengan kes suku kaum yang mengamalkan gaya hidup seminomadik (pindah-randah secara berkeluarga) di mana pihak JAKOA bersama KKM mengadakan program suntikan serentak pada 2 Ogos 2019 di tiga negeri (Kelantan, Pahang dan Terengganu) bagi suntikan vaksin penyakit demam campak bagi tempat komuniti Orang Asli berkaitan.

- b) Usaha pihak JAKOA untuk meningkatkan tahap kesihatan serta pemakanan yang mempunyai nutrisi yang baik dalam kalangan Masyarakat Orang Asli ialah dengan menggandakan usaha aktiviti kesedaran kesihatan komuniti dan penerangan Jom Sihat versi beberapa bahasa etnik suku Orang Asli dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di samping, perkhidmatan Klinik Bergerak diperluaskan ke beberapa buah komuniti pedalaman Orang Asli dan direncanakan plan pelaksanaan “Komuniti Sihat Pembinaan Negara “ (KOSPEN) Peringkat Kampung Orang Asli. Selain itu, pihak JAKOA dalam proses pemurnian perincian spesifikasi kontrak pembekalan nutrisi makanan dengan berpandukan semakan semula oleh pihak KKM. Sehingga ke hari ini, pihak JAKOA hanya membuat pembekalan secara one-off sokongan bakul makanan berdasarkan tuntutan oleh pihak Orang Asli bagi tahun ini berdasarkan kawasan tidak dicapai dengan perkhidmatan *Program Community Feeding (PCF)* KKM.

Sekian, terima kasih.